

Yang Indah Itu Bahasa

Sumbangan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak

Zaini Ozea : Mengapa *Terkunci dan Terbelenggu*?

Oleh Dr. Hazami Jahari

Pengenalan

Zaini Ozea nama besar dalam bidang drama, bahasa dan sastera di Sarawak. Penulis berasa bertuah dapat mengenalinya dengan lebih akrab disebabkan kami bersama-sama bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sarawak. Sebagai orang baharu yang masuk berkhidmat di institusi bahasa yang berwibawa, penulis berkesempatan bergaul dan mendapat banyak manfaat hasil perkenalan dengan orang bahasa dan orang sastera di DBP Cawangan Sarawak. Zaini Ozea adalah salah seorang tokoh yang hebat, yang penulis kagumi sebaik sahaja bertugas di DBP.

Penulis juga mengenali Zaini Ozea sebagai aktivis bahasa dan sastera. Beliau aktif dalam Gabungan Persatuan Penulis Sarawak (GPPS), dan pernah memimpin persatuan ini sebagai Ketua Satu. Lebih awal daripada itu, Zaini Ozea juga aktif dalam Rumpun Seni Drama Sarawak (RUSDA) yang aktif pada pertengahan 1970-an.

Pada penulis, Zaini Ozea lebih terkenal sebagai deklamator daripada sebagai penyajak. Orang lebih mengenali beliau disebabkan oleh cara deklamasinya yang menarik, unik dan menghiburkan berbanding dengan sajak-sajak yang dihasilkan. Oleh sebab beliau lebih gemar menulis sajak untuk dibaca, dideklamasikan daripada disiarkan. Lahirmya Kumpulan Puisi *Terkunci dan Terbelenggu* (DBP, 2013) telah membuka pengetahuan kita bahawa beliau sebenarnya banyak menulis sajak. Walau bagaimanapun sajak-sajak tersebut hanya beberapa buah sahaja yang pernah kita dengar dan baca dalam penerbitan. Yang lain merupakan koleksi peribadi Zaini Ozea sehingga beliau bersara daripada DBP. Soalnya mengapa Zaini Ozea memilih "Terkunci dan Terbelenggu".

Kumpulan Puisi *Terkunci dan Terbelenggu* adalah rakaman perjalanan dan kembara hidup Zaini Ozea yang penuh dengan puseran dan riak duga rasa yang sering tidak terencana. Sebagai penyair, dia terpesona dengan alam, terpuak dengan keindahan dan pada masa yang sama terhimpit oleh olengan masalah peribadi, masalah keluarga

dan masalah tanah airnya yang tercinta. Yang pasti imej laut dan maula menjadi begitu diminatinya. Sebahagian daripada sajak dilatarkan dengan laut dan malam.

Dia mahu membahagiakan diri, keluarga dan negaranya, tetapi acap kali dia sendiri tersadai dan terkurung dalam sunyi malam dan sepi pagi. Akhirnya dia membiarkan resah dan kesalnya berlalu bersama kesunyian, kerinduan dan keraguan kepada kekerdilan dirinya yang sering digandengkannya dengan kesunyian malam dan kerinduan kepada kampung halaman.

Fasa Pengalaman dalam *Terkunci dan Terbelenggu*

Kumpulan puisi ini memuatkan sebanyak 113 sajak. Sajak terawal iaitu berdasarkan catatan tarikh pada sajak tersebut ditulis pada tahun 1963 yang disiarkan dalam majalah sekolah *The Pearl*. Sajak terkini ditulis pada tahun 1994. Daripada kumpulan puisi ini, penulis bahagikan kepada tiga fasa pengalaman atau kembara kepenyairan Zaini Ozea iaitu fasa pengalaman persekolahan, fasa pengalaman cinta wanita dan fasa pengalaman penggiat seni.

Fasa-fasa pengalaman ini tidaklah tersusun secara kronologi semata-mata, ada ketikanya ia bertindih dengan pengalaman yang lain. Zaini Ozea sebagai pemerhati yang halus, menyaring kembali fasa pengalaman yang ditemui dan dilaluinya melalui bait-bait sajaknya.

Pengalaman Persekolahan

Sajak-sajak terawal Zaini Ozea dinukilkan pada ketika dia bersekolah di SMK Three Rivers Mukah dan di Kolej Tanjung Lobang, Miri. Walaupun sajak ini ditulis pada usianya yang masih remaja, persoalan yang diungkapkan dalam sajak tersebut memperlihatkan kedewasaan pengamatan dan kesedaran penyajak. Perkara ini dapat dilihat dalam sajak "Perwira Sarawak" (hlm. 1) yang memperkatakan tentang perjuangan para perwira dalam mempertahankan negeri daripada ancaman musuh iaitu komunis. Dalam bahasa yang agak langsung dan bersahaja penyajak meniupkan semangat kepada pejuang negara seperti dalam bait berikut;

*Perwira Sarawak
berjuanglah
maju
berjuang terus
biarpun dagingmu menjadi
tanah
kerana negara kita tempat
tumpahnyanya darah kita
biar apa pun halangan
tetap maju ke hadapan.*

Zaini Ozea dalam titipan harapan menyanjung perwira negeri Sarawak dengan pujian dan harapan yang berkobar-kobar. Dalam nada penuh semangat dan penuh penghargaan dia merakamkan lagi;

*Engkau adalah harapan
bangsa
kerana engkau rela
menceraikan nyawa
perwira Sarawak, sungguh
engkau berkhidmat
untuk negara, bangsa dan
rakyat
hidup perwira Sarawak.*

Sebagai remaja biasa, Zaini Ozea juga tidak terkecuali daripada mengungkap rasa keremajaan yang mula berputik di dalam dirinya. Ada kegeraman dan kemarahan dalam dirinya apabila dikecewakan oleh seseorang, pastinya wanita. Perasaannya terpurus oleh mainan kata seseorang yang mungkin ingin dikasihinya.

Antara lain dalam sajak "Darah" (hlm. 3) dia melarikan perasaan seperti berikut;

*Mawar, puspa
kau saksi
tragedi kini jadi saksi
hatiku luka telah kau tipu
telan air mata persismu
usah dinyanyi siulan
sayumu
biar berkecai peristiwa lalu
biar darahku mengalir cair
darahku darah perwira
untuk nusa penghilang
cinta wanita.*

*Aku puas
bayangan dendamku pergi
aku jangan kau kenang
lagi
Aduh! Darah! Darah!*

Pengalaman kembara ilmu di Kolej Tanjung Lobang Miri juga memberi jalur rasa yang berbagai-bagai kepada Zaini Ozea. Kembara untuk mencari ilmu demi masa hadapan yang lebih cemerlang menghantarnya kepada cabaran baharu yang terus mendewasakan dirinya. Dugaan dan cabaran untuk berjaya dalam pelajaran pada ketika itu bukanlah suatu perkara yang mudah. Dia terpaksa meninggalkan keluarga, terasing daripada kasih sayang bonda. Berpisah dengan adik-beradik dan menjadikan teman-teman sebagai penghibur diri. Dia sempat merakamkan pengalaman hidup di Tanjung Lobang dalam sajak "Kisah Semalam" (hlm. 9). Zaini Ozea menulis rasanya;

*Kisah semalam bertugu
dalam senyum yang molek
bawa balik cerita untuk
adik-adik usianya naik
Dalam cahaya benderang
hati girang bukan kepalang
Menang! Menang! Sorak
kami dalam makan minum
kenyang
Kisah semalam kawan-
kawan pergi janji mahu
kembali lagi
jauh ke seberang tinggi
gunung ada kemala
hendak dicari.
Nenek tua datuk jaguh
beri tangkal azimat semangat
pulang dagang atas
khidmat ada harapan negeri
selamat.*

Pengalaman Cinta Wanita

Dapat dikesan riak cinta pada "wanita" mula berputik dalam diri Zaini Ozea secara serius semasa dia berada di Universiti Malaya. Sewajarnya pada usia awal 20-an, naluri cintanya berkembang dengan segar apabila bersua dan bergaul dengan rakan sekuliah yang datang daripada pelbagai latar dan negeri. Tidak dapat dinafikan juga, pada era itu, siswa dan siswi Universiti Malaya begitu dipandang tinggi. Mereka yang bergelar siswazah pasti mendapat penghormatan

daripada masyarakat. Hal ini juga meletakkan Zaini Ozea dalam situasi wajar untuk bermain dengan perasaan tersebut. Dalam sajak "Cintaku" (hlm. 40), secara berterus terang penyajak mengaku dirinya sudah jatuh cinta. Antara lain dia menyatakan;

*Aku rasa
aku jatuh cinta
pada seorang siswi.*

Namun demikian, penyajak tetap teguh pendirian untuk tidak mengorbankan cintanya kepada ibu hanya semata-mata terpesona pada seorang siswi. Bagi penyajak cinta dan kasih kepada ibu lebih utama. Demi kasihkan ibu, dia rela mengetepikan cintanya kepada orang lain. Penyajak menegaskan seperti berikut;

*Akan matilah cintaku
pada ibu
yang mengharap baktiku
akan kukhianati kasihku
pada Ida dan Sita
yang berkongsi membeli
gincu.*

*Cintaku
pada seorang siswi
tunggulah
lima tahun lagi.*

Setiap kali penyajak mahu mengelopak kuntum cintanya, dia pasti teringatkan kasihnya kepada ibu. Bagi penyajak, perasaan dan janji pada ibu perlu sentiasa diingat. Dalam sajak "Surat II" (hlm. 49), penyajak menjelaskan kepada Yati, gadis yang diminatinya tentang halangan dalam perhubungan mereka. Secara jelas penyajak tidak sanggup untuk menghampakan perasaan ibunya walaupun perasaan terhadap Yati juga mendalam seperti yang dipaparkan dalam bait berikut;

*Yati
kau dan aku tidak bisa
bertemu
mata-mata berpinar
di celah tingkap kaca
orang berbisik sama
sendiri
ibuku di malu berita*

Dalam sajak "Yati" (hlm. 49), penyajak terus melarikan kehampaan terhadap cinta yang tidak kesampaian terhadap gadis pujaannya. Penyajak tidak menyatakan dengan jelas mengapa cintanya terhadap Yati tidak dapat diteruskan. Dalam bahasa yang agak berlapik, penyajak sekadar mengungkapkannya seperti berikut;

*Antara kau dan aku
hanya yang mengerti
daun-daunan
pokok-pokok kaku
pasir
batu
debu-debu.*

Selain Yati, penyajak juga jatuh hati kepada gadis bernama Mimi, tetapi tidak begitu jelas sejauh mana penerimaan Mimi terhadap penyajak. Melalui sajak berjudul "Mimi" (hlm. 53), penyajak sekadar menjelaskan dirinya terasa rindu tetapi hatinya semakin jauh. Semacam ada kekecewaan dalam diri penyajak terhadap cintanya yang tidak kesampaian itu seperti yang dirakamkan dengan nada hampa dalam bait berikut;

*Mimi
kali ini
kusebut namamu
untuk kuulang
kesekian kali
tika rindu jatuh
hati terasa jauh.*

Cinta Zaini Ozea seperti yang diungkapkan dalam sajak "Iza" (hlm. 63) sering sahaja menemui kekecewaan. Pada peringkat awal, segala-galanya berjalan dengan baik, tetapi akhirnya cinta yang dipugar itu tidak beroleh kejayaan. Gadis bernama Iza yang dicintainya tiba-tiba menggores perasaannya dengan melakukan kepercayaan dan kesetiiaannya. Dengan rasa kesal bersalut kecewa, penyair menyimpulkan;

Iza

*tiba-tiba
segala-galanya
kaugores
jadi luka.*

Pengalaman Penggiat Seni

Sebagai anak seni dan penggiat seni yang tidak pernah jemu memperagakan seninya, Zaini Ozea tidak ketinggalan mengungkapkan pengalaman seninya melalui sajak. Minat dan perjuangan seninya terjurus dalam bidang tari, drama dan puisi. Sekali gus minatnya juga terhadap muzik dan lagu. Minat dan penghargaannya terhadap seni ini dilukiskan dalam sajak "Di Atas Pentas" (hlm.33). Antara lain dia menukilkan dengan syahdu gabungan tiga bidang seni iaitu muzik, puisi dan tari seperti berikut;

*Muzik
getaran angin di senja
jingga
meramas dedaunan
melintuk-lintuk
menyapu imbasan
senyum di wajah.*

*Puisi
rintisan hujan di lebu
malam
mendodoi anak dalam
buah
sambut menyambut
berulang-ulang
menyintak-nyintak.*

*Dan tari
gemalainya ligat mentari
menembusi sinar-sinar
dan bulan bundar berbo-
gel
datang dan pergi
di tengah-tengah kayan-
gan bintang-bintang
kuncup mekar mengerdip.*

*Muzik
puisi
dan tari
di atas pentas.*

*Tiga saudara
di persimpangan
bilakah berpadu
di atas kanvas.*

Pada sisi yang lain, Zaini Ozea secara sinis menyindir pihak yang tidak menghargai kepentingan seni dan budaya. Bagi sebahagian ahli ekonomi dan teknologi, seni tiada makna dan tiada keperluan dalam pembangunan negara. Seni tiada nilai komersial yang dapat memberi laba kepada negara. Namun pandangan salah ini dipatahkan oleh penyajak seperti yang dipaparkan dalam sajak "Sekadar Menyebut" (hlm. 99-100). Dengan sinis penyajak menyatakan;

*Masakan kita lupa
kelab malam
panggung wayang
peti TV
pakaian cantik
makan angin
barang hiasan
dan lain-lain
kita perlu hiburan
kita perlu kesenian.*

Dalam sajak "Harga Sebuah Sajak" (hlm. 101), pula Zaini Ozea dengan nada yang lebih sinis menyanggah sikap masyarakat yang tidak menghargai hasil seni, termasuklah sajak. Pada hemat sebahagian masyarakat, sajak tidak lebih daripada susunan diksi yang tidak menyumbang kepada keperluan hidup. Sikap pesimis terhadap sajak ini dipaparkan oleh penyair melalui ungkapan;

*Sebuah sajak
tidak seberapa harganya
sekilo daging
dua ekor tenggiri
dan seikat sayur
yang akhirnya menjadi
najis.*

...
*Tidak, tidak seberapa
harga sebuah sajak
sekadar untuk mengisi
ruang kosong di dada
akhbar dan majalah
atau masa santai yang
terluang.*

Harga dan makna sebuah puisi terus diperjuangkan oleh Zaini Ozea dalam sajak "Penjual Puisi" (hlm. 102). Sajak ini memaparkan

kekecewaan dan kekesalan penyajak terhadap sikap masyarakat yang tidak menghargai nilai sebenar karya seni. Puisi tidak memberi kelegaan dan kekenyangan, maka puisi tiada nilainya. Kehampaan penyajak tergambar dalam bait yang berikut ;

*Di tangannya sebuah
puisi
yang dibawa ke pasar
minggu
bersama sebuah gendang
dan sehelai kain selem-
pang.*

*Lalu di pamernya puisi-
puisi itu
tak seorang pun yang
tahu
kerana di situ
orang sibuk mencari ikan
dan sayur.*

*Dilaungnya kuat-kuat
setelah sekian puas
mengiramakan puisi-
puisinya
pun tiada yang membelin-
ya
melainkan tertarik menon-
ton telatahnya.*

*Tiba-tiba dia meraung dan
berkata
"Saudara-saudara,
saya tidak membikin
rumah dan bangunan
bertingkat
untuk dapat didiami dan
dilihat
saya tidak berladang
bertanam
untuk dapat dirasai dan
dinikmati
saya tidak membuat
pelaburan
untuk menjadi hasil
mahsul negeri.*

*Saya
saudara-saudara
adalah penyair
yang menjual puisi
kepada rohani."*

Mengapa *Terkunci dan Terbelenggu*?

Zaini Ozea memilih judul *Terkunci dan Terbelenggu* sebagai judul kumpulan puisinya ini. Mengapa judul ini dipilih? Dalam bahagian Prakata, penyajak menyatakan judul ini digunakan oleh sebab dirinya sebagai penyajak tidak mampu untuk mengubah dan menyelesaikan masalah diri dan juga masalah yang dihadapi oleh orang lain di sekitar kehidupannya. Banyak masalah yang dilalui dalam kehidupan seharian tetapi sebahagian masalah tersebut tidak dapat diselesaikan sebagaimana yang diharapkan. Maka di sini Zaini Ozea berasa bersalah, dia berasa terkunci dan terbelenggu kerana tidak mampu untuk membantu diri dan orang lain untuk keluar daripada masalah tersebut.

Yang banyak terbelenggu dan mengunci penyair adalah kesepian, kerinduan dan kekosongan rasa dan hidupnya. Dia berasa sepi apabila berada jauh daripada orang-orang yang disayanginya. Jiwanya berasa kosong apabila menghadapi situasi sepi suasana dan sepi daripada bersama orang-orang di sekitar kehidupannya. Hal ini diungkapkan dengan ringkas tetapi jelas dalam sajak berjudul "Ruang dan Waktu" (hlm. 79). Dalam sajak serangkap ini penyajak melukiskan rasa kekosongan dirinya seperti berikut;

*Terus saja terasa
ruang dan waktu jadi
kosong
dari dalam diri*

*mengunci dan membel-
enggu
bagaimana mati pancain-
dera.*

Kesepian dan kekosongan terus sahaja terbelenggu dan mengunci perasaan penyajak. Setiap kali dia berdepan dengan kesepian dan kerinduan jiwanya akan berasa dipenjarakan oleh persekitaran. Penyajak sesungguhnya tidak gemar kepada kesepian yang sering ditemuinya. Kesepian adalah penjara rasa yang sukar untuk dinyatakan deritanya. Dalam sajak "Catatan Satu" (hlm. 51) penyajak melarikan rasa terbelenggunya seperti berikut;

*Apa yang pedih padamu
telah kurasa semalam
dalam gelap memikat
diselaputi sepi tersimpul
mati.*

*Kubuka mata
hutan mati membara
dalam kamar ini
aku terkunci.*

Zaini Ozea banyak mencari makna dan jawapan yang pasti dalam setiap kekosongan dan kesepian yang ditemuinya. Dia semacam ragu terhadap makna hidup yang sering meletakkan dirinya dalam situasi kosong dan tidak pasti itu. Keraguan ini diungkapkan dalam sajak "Mencari" (hlm. 87) dengan katanya;

*Kucari
di tengah kekosongan
malam
setiap ruang dan sekeliling
pada segala yang bisu
asing dan aneh
hingga sepi bersama
kelam.*

Oleh sebab gagal menemui jawapan terhadap persoalan hidup yang dihadapinya, penyajak berasa lemas dan terkunci. Dia tiba pada kesimpulan bahawa lebih wajar untuknya membisu dengan menanggung segala keduakaan dan kekecewaannya. Penyajak dalam nada beralah dan putus harapan mencatatkan;

*Kucari
ke dalam diri
hingga lemas dan terkunci
dan tak tau apa lagi
terus saja mahu ketawa
atau bisu seribu duka.*

Rumusan

Kepenyairan Zaini Ozea banyak disulam oleh pengalaman hidupnya yang membesar dan mendewasa di persekitaran laut. Kampung Kuala Rajang banyak dititipkan olehnya dalam sajak melalui imej laut, ombak, pantai dan angin. Walaupun sajak yang ditulisnya tidak memperkatakan secara langsung tentang desa kelahirannya, diksi dan situasi yang digunakan sebahagian besarnya dikutip dari latar laut. Oleh hal yang demikian, malam juga menjadi ngeri kepada penyair ini. Malam adalah kesepian, kekosongan dan kebusuan. Lantaran itu, Zaini Ozea melihat malam sebagai penjara yang terbelenggu dan mengunci perasaannya. Malam adalah penjara rasa dan terbelenggu batin dalam kembara hidupnya. Sebenarnya banyak lagi pengalaman hidup yang tidak mampu diungkapnya. Dia penyajak yang berahsia dan sangat kritis terhadap diri sendiri.

Peribahasa Melayu

Ukur mata dengan telinga.

Maksud:

Menilai sesuatu berdasarkan apa yang dilihat dan didengar.

Ayat contoh:

Sebagai manusia yang rasional, kita mestilah menilai sesuatu berdasarkan bukti yang sahih dan bukannya menilai khabar itu melalui ukur mata dengan telinga.

Sumber : Kamus Peribahasa Daya

SUNGAI DAMAI RUMAH KITA

*Sungai damai rumah kita
Kian pudar seri warna
Acap dibungkus hanyir angin pagi
Dikhabarkan oleh maha IT
Acap malam digigit mimpi ngeri
Dikocak riak setiap sisi*

*Dasarnya diselimuti asing
Lumpur sengketa menodai warga
Kelahir tembok prasangka terbina
Lahir benteng ras aneka
Kelodak maksiat tertimbus melata*

*Hidupan lesu menghitung usia
Bertelagah tanpa segan sesama
Spesies yang besar kekenyangan takhta
Yang kecil sebahagian umpan cuma
Selebih menangguk keruh di pangkal alpa
Ada yang tuli jua buta
Atau memendam rasa*

*Natijahnya
Tebingan damai merekah kepasrahan
Seperti retak menanti belah musiman
Damainya dihantui hitam berbayangan
Warnanya gelap pekat
Muatan sarat pekat*

*Pulangan
Sungai damai rumah kita
Pedalaman legeh ke muara kota
Dedangan sejagat rasa kekitaan cinta
Berpada satu suara.*

Lawrence Sikai
Song, Kapit